

Kajian NYC-IPS: 64% belia berpuas hati dengan hidup mereka dari 2021-2022

► **ZULAIQAH ABDUL RAHIM**
zulabr@sph.com.sg

Tahap kepuasan hidup belia kekal stabil sepanjang 2021 hingga 2022, dengan 64 peratus daripada golongan ini berpuas hati dengan kehidupan mereka semasa tempoh pandemik Covid-19 itu.

Ini walaupun angka itu 10 peratus lebih rendah pada 2017 apabila 74 peratus belia berasa berpuas hati dengan hidup mereka, menurut Kajian Belia mengenai Peralihan dan Laluan Berkembang di Singapura (Youth STEPS).

Hasil kajian kebangsaan pertama yang dilakukan dalam tempoh panjang ini dibentangkan oleh Majlis Belia Kebangsaan (NYC) dan Makmal Sosial Institut Kajian Dasar (IPS) pada 5 Ogos.

Ia bertujuan untuk meneroka kepuasan hidup, aspirasi dan keutamaan golongan ini ketika mereka beralih daripada fasa remaja ke dewasa.

Kajian itu meliputi lebih 3,000 belia warga dan penduduk tetap Singapura berusia antara 17 dengan 24 tahun, sepanjang tempoh enam tahun – dari 2017 hingga 2022.

Zamil Penyelidik Kanan Adjung IPS, Dr Chew Han Ei, semasa satu taklimat media pada 5 Ogos, berkata kemerosotan tahap kepuasan hidup belia sepanjang enam tahun ini “tidak seharusnya menimbulkan rasa bimbang”.

Dr Chew secara umum mengaitkan trend menurun itu kepada kesan menua, yang konsisten dengan teori lengkung kebahagiaan atau *happiness curve theory*.

Teori itu menunjukkan kebahagiaan seseorang individu mengikuti lengkung berbentuk ‘U’, yang mana kebahagiaan bermula pada tahap tinggi pada zaman remaja dan mula merosot apabila seseorang itu memasuki usia 20-an tahun mereka, mencapai titik paling rendah dalam tahun 40-an, sebelum meningkat pada tahun 50-an dan 60-an.

Menurut kajian Youth STEPS, tahap kepuasan hidup belia terus turun setiap tahun dari 2017 hingga 2020.

Pada 2017, tahap kepuasan hidup belia adalah 74 peratus, sebelum ia jatuh kepada 69 peratus pada 2018, 67

peratus pada 2019 dan kemudian 60 peratus pada 2020.

Walaupun angka ini dijangka menurun berdasar teori lengkung kebahagiaan, ia sebaliknya meningkat ke 64 peratus pada 2021 dan kekal stabil pada 2022.

Kenaikan tahap kepuasan hidup itu mungkin berpunca daripada kesan berbeza ketika Singapura keluar daripada pandemik, kata Dr Chew.

“Kami melihat penurunan mendadak semasa pandemik, tetapi lantunan itu tidak dijangka,” ujarnya lagi.

Dr Chew menambah kenaikan angka itu menunjukkan daya tahan golongan belia untuk bangkit daripada cabaran yang dialami semasa Covid-19.

“Pandemik sememangnya menguji kecekalan belia, tetapi mereka telah bangkit mengharungi cabaran. Mereka telah dicabar, tetapi mereka tidak patah semangat. Mereka bukanlah ‘Generasi Strawberi’ seperti yang dikatakan sebelum ini,” jelas Dr Chew, yang merupakan ketua penyelidik projek ini.

Generasi muda kerap dilabel sebagai ‘Generasi Strawberi’ yang mudah rapuh apabila berhadapan ujian kehidupan.

Walaupun Covid-19 menghadkan belia daripada peluang seperti menghadiri orientasi di sekolah atau di tempat kerja, menjalani latihan sambil kerja atau melancong ke luar negara, kajian itu mendapati golongan ini juga tidak membiarkan aspek negatif pandemik mempengaruhi laluan sasaran masa depan mereka.

Sebanyak 43 peratus belia pada 2022 berkata pandemik telah memberi kesan positif kepada kehidupan mereka. Angka ini meningkat daripada 31 peratus pada 2020 dan 34 peratus pada 2021.

Selain itu, 78 peratus belia berkata mereka telah membangunkan rancangan untuk membantu mencapai aspirasi mereka dalam tahun mendatang.

Golongan ini juga semakin akur bahawa ada peluang yang mencukupi di Singapura untuk mencapai aspirasi peribadi mereka – naik 40 peratus pada 2020 kepada 57 peratus pada 2022.

Kajian NYC-IPS: Kerjaya, kewangan keutamaan belia berbanding kahwin



Zamil Penyelidik Kanan Adjung Institut Kajian Dasar (IPS), Dr Chew Han Ei (kiri), dan rakan penyelidik Makmal Sosial IPS, Dr Teo Kay Key, semasa taklimat media untuk Kajian Belia mengenai Peralihan dan Laluan Berkembang di Singapura (Youth STEPS) pada 5 Ogos. - Foto ST

SEKILAS HASIL KAJIAN YOUTH STEPS:

- Tahap kepuasan hidup belia kekal stabil sepanjang 2021 hingga 2022. 64 peratus belia berpuas hati dengan hidup mereka pada 2021 hingga 2022.
- 43 peratus belia pada 2022 berkata pandemik telah memberi kesan positif kepada hidup mereka.
- Memiliki kerjaya dan kesihatan yang baik dipilih sebagai keutamaan paling penting dalam tempoh lima tahun mendatang.
- Dua daripada lima belia berusia 22 hingga 29 tahun pada 2022 tidak pernah menjalin hubungan cinta.

► ZULAJAH ABDUL RAHIM zulahr@sph.com.sg

Golongan muda lebihutamakan kerjaya dan kewangan berbanding mempunyai aspirasi seperti mendirikan rumah tangga, menurut hasil Kajian Belia mengenai Peralihan dan Laluan Berkembang di Singapura (Youth STEPS) yang dibentangkan pada 5 Ogos.

Kajian itu, yang dihasilkan dengan kerjasama Majlis Belia Kebangsaan (NYC) dan Makmal Sosial Institut Kajian Dasar (IPS), menunjukkan bahawa memiliki kerjaya dan kesihatan yang baik dipilih sebagai keutamaan paling penting mereka dalam tempoh lima tahun mendatang.

Dalam pada itu, dua daripada lima belia berusia 22 hingga 29 tahun pada 2022 tidak pernah menjalin hubungan cinta.

Youth STEPS adalah kajian kebangsaan berkaitan belia pertama yang dilakukan dalam tempoh panjang.

Ia bertujuan meneroka kepuasan hidup, aspirasi dan keutamaan golongan ini ketika mereka beralih daripada fasa remaja ke dewasa.

Kajian itu mengikut lebih 3,000 belia warga dan penduduk tetap Singapura berusia antara 17 dengan 24 tahun, sepanjang tempoh enam tahun dari 2017 hingga 2022.

Zamil Penyelidik Kanan Adjung Institut Kajian Dasar (IPS), Dr Chew Han Ei, juga ketua penyelidik projek itu, semasa satu taklimat media pada 5 Ogos, berkata bahawa bertentangan dengan naratif belia "berhenti secara senyap-senyap", atau *quiet quitting* - yang merujuk kepada enggan melibatkan diri dan melakukan kerja yang minimum - dapatan kajian menunjukkan bahawa mereka utamakan kerjaya mereka melebihi matlamat hidup yang lain.

Hampir 80 peratus responden berkata mereka telah membuat penancangan untuk mencapai aspirasi mereka, dan hampir tujuh daripada 10 belia mempunyai rancangan untuk meningkatkan kemahiran dalam tempoh lima tahun akan datang, kata beliau.

Walaupun belia dilaporkan mengalami lebih banyak tekanan kerja, lebih ramai juga menunjukkan mereka dapat menangani tekanan di tempat kerja dan berpuas hati dengan pekerjaan mereka.

Mempunyai peluang yang baik untuk kemajuan dan keselamatan pekerjaan adalah pertimbangan utama mereka dalam pekerjaan, menurut kajian itu.

Dalam kalangan mereka yang tidak bekerja, 43 peratus belia merasakan bahawa kekurangan hubungan dengan individu yang tepat menghalang mengejar laluan kerjaya pilihan mereka.

Ini secara konsisten disebut sebagai penghalang utama kepada pekerjaan sejak 2019.

Ketua pegawai eksekutif NYC, Encik David Chua, berkata:

"Dapatan ini memaklumkan kepada entiti pemerintah dan bukan pemerintah untuk bekerjasama dan mencari jalan membuka laluan dan peluang pekerjaan kepada belia...sama ada melalui kerja sambil belajar atau untuk memasuki satu industri."

Lebih tiga suku belia juga mendapati adalah penting untuk mempunyai pekerjaan yang membolehkan mereka fleksibiliti pada 2022, meningkat daripada 60 peratus pada 2018.

Dr Chew menambah tumpuan terhadap pendidikan dan kerjaya mungkin menghalang belia daripada menjalin hubungan cinta.

Tiga halangan utama untuk belia yang belum berpuas keuar 'dating' adalah belum bertemu dengan orang yang sesuai, mempunyai keutamaan yang lebih penting, dan mendapati 'dating' di Singapura menimbulkan tekanan, menurut kajian itu.

"Sejak muda, ibu bapa mereka akan berkata, 'belajar rajin-rajin, mendapat pekerjaan yang bagus dan kemudian berkahwin. Mungkin itu kekal dalam pemikiran mereka, dan orang muda fikir perkara ini perlu dicapai langkah demi langkah,'" jelas Dr Chew.

Youth STEPS akan dilanjutkan selama lima tahun lagi dari 2024 hingga 2028, dan diketuai oleh rakan penyelidik Makmal Sosial IPS, Dr Teo Kay Key, yang akan mengikut kumpulan itu ke pertengahan tahun 30-an apabila mereka berkahwin dan memulakan keluarga, kata Dr Chew.

Penemuan itu akan membantu pengubal dasar menyokong golongan muda dalam aspirasi mereka untuk berkembang maju apabila mereka memasuki usia tahun 30-an, tambah beliau.